

ANUGERAH INOVASI NEGERI SELANGOR (AINS)

I-Sisa

JABATAN PENGURUSAN ALAM SEKITAR
JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

TAJUK PROJEK:
**I-Sisa: SISTEM PENGURUSAN
SISA INDUSTRI DAN KOMERSIAL
DALAM KAWASAN
PENTADBIRAN MBSJ**

**KATEGORI PERTANDINGAN
SEKTOR AWAM (AINS-SA)**

SENARAI KANDUNGAN

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1.	Tajuk Inovasi	1
2.	Nama Jabatan/ Agensi/ Institusi	1
3.	Pengenalan	1
4.	Ringkasan Hasil Projek Inovasi	1
	- Bagaimana I-Sisa berfungsi	3
5.	Tarikh Inovasi dihasilkan	5
6.	Tujuan Projek Inovasi	5
7.	Proses Pelaksanaan Inovasi (Nyatakan Jika Dibuat In-House Atau Out-Source)	5-7
	- Signifikan Pemilihan Projek	
8.	Proses Sebelum dan Selepas	8-9
	- Ujicuba dan Hasil Projek Sistem I-Sisa	
9.	Elemen Penurunan Kuasa (Jika Ada)	10
10	Kumpulan Sasar Dan Skop Liputan	10
11	Impak Inovasi Terhadap Kumpulan Sasar	10-13
	- Gambar-gambar berkaitan	
12.	Implikasi Kewangan	14
13	Penutup	15

LAPORAN ANUGERAH INOVASI NEGERI SELANGOR TAHUN 2025

1. Tajuk Inovasi:

I-Sisa: Sistem Pengurusan Sisa Industri dan Komersial Dalam Kawasan Pentadbiran MBSJ

2. Nama Jabatan / Agensi / Institusi:

Jabatan Pengurusan Alam Sekitar dan Jabatan Teknologi Maklumat, Majlis Bandaraya Subang Jaya.

3. Pengenalan


Dalam mengorak langkah sebagai bandaraya mampan yang bestari, MBSJ telah mewujudkan Pelan Strategik Subang Jaya 2020 – 2025. Pelan Strategik Subang Jaya telah menetapkan untuk meningkatkan tahap kecekapan perkhidmatan perbandaran asas (kebersihan/keindahan /kesihatan persekitaran) dan mewujudkan ekosistem bandaraya yang hijau, kondusif dan mampan. Strategi ini ditetapkan dalam Teras 3 iaitu pembangunan mampan. Pelan Strategik Subang Jaya 2020 – 2025 ini dibangunkan melalui 6 teras iaitu tadbir urus terbaik, infra dan kemudahan awam, pembangunan mampan, pembangunan sosio ekonomi, capaian pintar dan pembentukan madani. Bagi memenuhi kehendak dan keperluan Pelan Strategik Subang Jaya 2020 – 2025, MBSJ telah melaksanakan Projek I-Sisa: Sistem Pengurusan Sisa Industri dan Komersial yang bertujuan untuk memastikan data kutipan sisa industri dan maklumat kontraktor dimasukkan di dalam satu sistem (*Rujuk lampiran 1*).

4. RINGKASAN HASIL INOVASI

Pengurusan sisa industri di uruskan oleh pihak majlis dengan melantik kontraktor panel sisa industri dan perdagangan bagi tempoh setiap 2 tahun. Pihak majlis akan menerima laporan data kutipan setiap bulan melalui emel dari setiap kontraktor panel tersebut. Bagi pelaporan pihak majlis membuat laporan kutipan dari kontraktor panel secara manual. Oleh itu, pihak majlis telah berbincang bersama jabatan dalaman untuk mewujudkan sistem I-Sisa ini bagi memudahkan pengurusan sisa industri dan perdagangan. **Hasil inovasi** ini telah berjaya mencapai matlamat dan sasaran Jabatan seterusnya Majlis Bandaraya Subang Jaya dalam menyelesaikan isu pengumpulan data sisa industri dan perdagangan seterusnya dapat mengatasi isu longgokan sisa industri dan sisa perdagangan yang tidak terkawal terutamanya di kawasan industri dan kawasan komersial serta memudahkan semakan premis di tapak. Projek ini telah dibincangkan semasa Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Bandar Pintar MBSJ Bil 1/2024 (*Rujuk lampiran 2*).

Bagaimana I-Sisa berfungsi?

- i. Sistem I-Sisa diakses oleh pihak kontraktor panel yang dilantik oleh Majlis bagi tujuan pelaporan. Pihak kontraktor panel akan memasukkan maklumat pelanggan seperti nama premis, alamat premis dan data kutipan sisa di dalam sistem I-Sisa. Pihak jabatan memantau pelaporan data tersebut melalui sistem I-Sisa dan melalui semakan premis di tapak.
- ii. Pihak Jabatan juga boleh mengenal pasti premis yang tidak melantik kontraktor panel bagi menguruskan sisa komersial/ industri mereka. Sekiranya ingkar, pemilik premis akan dikenakan tindakan undang-undang oleh Majlis.



Paparan utama Sistem I-Sisa

Sisa Industri									
Dashboard / Pelanggan / Semasa Syarikat									
Carian Pelanggan									
☐ No Lesen ☐ No Syarikat Panel ☐ Tempat ☐ Nama Syarikat Kata carian Cari									
Show 10 entries									
#	Nama Syarikat	No Lesen	Tempat	No Syarikat Panel	Tarikh Lantikan	Kutipan bagi bulan	Tarikh / Status Prosessualisasi	Status	Tindakan
1	AFM ALUMINIUM CASTING SDN BHD	2120170600	TAIRAN PERINDUSTRIAN SERI KEMBANGAN	563834-P	Tarikh Mula : 20-12-2022 Tarikh Tamat : 19-12-2025	March-2025			
2	SAJIANA RESIDENCY	NRES/00VSI	SUBANG JAYA (SS12 - SS19)	158837-P	Tarikh Mula : 01-01-2023 Tarikh Tamat : 31-10-2026	March-2025			
3	THE COOL SDN BHD	2120130600	TAIRAN PERINDUSTRIAN PUCHONG UTARA	942151-X	Tarikh Mula : 01-01-2023 Tarikh Tamat : 01-01-2025	March-2025			
4	EVPIRE WORLD EXPRESS SDN BHD	2022070287		878449-X	Tarikh Mula : 01-01-2023 Tarikh Tamat : 31-12-2025	March-2025			
5	ESH SDN BHD	2120070100	TAIRAN PERINDUSTRIAN PUCHONG	1121685-	Tarikh Mula : 01-01-2023 Tarikh Tamat : 19-02-2026	March-2025			
6	SNV INDUSTRY SDN BHD	2024080061	USI 1 - 22	727537-P	Tarikh Mula : 20-02-2023 Tarikh Tamat : 12-01-2025	March-2025			
7	ENVIROPRESS SDN BHD (NO.48)	2120090500	TAIRAN PERINDUSTRIAN SERI KEMBANGAN	707541-X	Tarikh Mula : 12-02-2020 Tarikh Tamat : 12-01-2025	March-2025			
8	ENVIROPRESS SDN BHD (NO.15)	2120170300		140204136	Tarikh Mula : 12-05-2018 Tarikh Tamat : 12-04-2025	March-2025			
9	ENVIROPRESS SDN BHD (NO.25)	5020180300		5A080897	Tarikh Mula : 12-05-2018 Tarikh Tamat : 12-04-2025	March-2025			
10	CARPENTER CLOSET ENTERPRISE	NRES-1745	SUBANG JAYA (SS12 - SS19)	02647579	Tarikh Mula : 13-06-2023 Tarikh Tamat : 14-06-2025	March-2025			

Paparan di bahagian senarai kontraktor panel di dalam Sistem I-Sisa

▪ SIGNIFIKAN PEMILIHAN PROJEK

i. Berkaitan Dengan Fungsi Utama Jabatan

Projek ini berkait rapat dalam merealisasikan fungsi MBSJ untuk menyelesaikan aduan sampah longgok, menyelesaikan masalah peniaga dalam menguruskan sisa industri dan memudahkan pengumpulan data kutipan sisa industri dan maklumat pelanggan.

ii. Memenuhi kehendak Pelanggan dan Pemegang Taruh (Stakeholder)

Stakeholder	Majlis Bandaraya Subang Jaya	Meningkatkan imej majlis melalui persekitaran kawasan industri yang bersih dan ke arah pengurusan sisa industri secara digital.
Internal Stakeholder	Jabatan Pengurusan Alam Sekitar, MBSJ	Menyelesaikan masalah pengurusan sisa industri yang efisien dan pengumpulan data yang sistematik dengan mudah dan cepat.
	Jabatan Teknologi Maklumat, MBSJ	Menyediakan sistem untuk kegunaan pihak jabatan dan kontraktor panel.
Pelanggan	Pemegang Lesen	Melantik kontraktor panel sisa industri yang dilantik oleh pihak Majlis.

iii. Seajar Dengan Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goal* (SDG))

Sistem I-Sisa adalah seajar dengan Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goal* (SDG)) di dalam Teras 11, Bandar dan Masyarakat Mampan, Sasaran 11.6: **Mengurangkan kesan alam sekitar Bandar melalui pengurangan kesan buruk terhadap alam sekitar di petempatan per kapita, termasuk dengan memberi perhatian khusus kepada pengurusan sisa perbandaran** dan Teras 12, Penggunaan dan Pengeluaran Bertanggungjawab. Sasaran 12.5 : **mengurangkan penajaan sisa dengan ketara melalui pencegahan, pengurangan, kitar semula dan penggunaan semula.**

iv. Seajar Dengan Agenda Dan Pelan Strategik Agenda Nasional Malaysia Sihat 2021-2025

Sistem I-Sisa adalah seajar dengan Pelan Strategik Agenda Nasional Malaysia Sihat 2021-2025 di dalam Teras 4, Strategi 9, Inisiatif 19 iaitu memperkasakan komuniti mengenai penjagaan kebersihan persekitaran dan kemudahan awam. Teras 4, Strategi 9, Inisiatif 20 iaitu memperkasa peniaga untuk menjaga kebersihan premis perniagaan dan sekitarnya. Justeru, projek ini menyokong Agenda Nasional Malaysia Sihat 2021-2025 dengan

8. PROSES SEBELUM DAN SELEPAS

- (a) **Sebelum** : Sebelum wujudnya sistem ini pihak jabatan telah membuat pengumpulan dengan kaedah menggunakan excel iaitu pihak kontraktor menghantar laporan melalui emel dan pihak jabatan memasukkan data laporan tersebut ke dalam excel. Bagi operasi semakan premis sisa industri dan perdagangan pihak jabatan menggunakan kaedah manual iaitu membuat semakan surat lantikan panel daripada pemilik premis tanpa menggunakan sistem.



- (b) **Selepas** : Kumpulan ASICT telah berjaya menyelesaikan masalah tersebut melalui Sistem I-Sisa dengan kaedah cepat dan pantas. Projek ini menjadikan kerja pengurusan kutipan data dan operasi semakan premis lebih mudah, pantas serta dapat menjimatkan proses masa dan tenaga kerja.

perdagangan di tapak juga terdapat masalah iaitu dari segi pemantauan lantikan kontraktor panel oleh setiap premis industri dan perdagangan.

- (3) Cadangan penghasilan **Sistem I-Sisa** ini dapat membantu pihak majlis dari segi pengumpulan data sisa industri dan perdagangan secara efisien dan teratur. Disamping itu, pihak majlis juga dapat membuat pemantauan dan semakan ketika operasi di tapak bagi lantikan kontraktor oleh pihak premis di tapak secara mudah dan cepat.

Perbandingan Pengurusan Sisa Industri Antara PBT

Berikut adalah perbandingan pengurusan sisa industri mengikut PBT di Selangor:-

BIL	PBT	SECARA MANUAL	SISTEM
1	Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)	Pemegang lesen urus sendiri	
2	Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)	/	
3	Majlis Bandaraya DiRaja Klang (MBDK)	/	
4	Majlis Perbandaran Sepang (MPSP)	/	
5	Majlis Perbandaran Kajang (MPKj)	/	
6	Majlis Perbandaran Selayang (MPS)	KDEB urus sepenuhnya	
7	Majlis Perbandaran Kuala Selangor (MPKS)	/	
8	Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL)	/	
9	Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)	/	
10	Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS)	/	
11	Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB)	/	

** Kaji Selidik Perbandingan Pengurusan Sisa Industri & Perdagangan antara PBT pada April 2025 (Rujuk Lampiran 6)*

- v. Kumpulan ASICT menghasilkan sistem yang boleh mewujudkan pengurusan sisa industri dan perdagangan lebih tepat dan mudah capai.
- vi. Membentuk pemegang lesen yang lebih cakna pada kawasan sekitar premis.

Projek ini telah berjaya menyelesaikan masalah capaian maklumat yang tepat pengurusan sisa industri dan perdagangan yang efisien dan juga menyelesaikan isu sisa industri dan perdagangan dan juga beberapa 'keistimewaan' lain iaitu:

- (1) Outcome & Impak
- (2) Pencapaian yang diperolehi melalui Sistem I-Sisa
- (3) Potensi projek boleh dikembangkan ke peringkat yang seterusnya.
- (4) Kebaikan projek kepada Majlis, vendor & alam sekitar

(1) Antara **outcome** penghasilan projek adalah seperti berikut :-

- 1. **Penjimatan masa**
- 2. **Pengurangan aduan sampah longgok di kawasan industri**
- 3. **Peningkatan kepuasan pelanggan di kawasan industri**
- 4. **Peningkatan jumlah pelanggan yang melantik panel kontraktor MBSJ**
- 5. **Mengurangkan kos pembersihan Majlis (pembersihan sampah longgok)**

Antara **Impak** penghasilan projek adalah seperti berikut :-

- 1. **Pengurusan dan pengumpulan data yang lebih sistematik dan efisien**
- 2. **Meningkatkan imej organisasi**
- 3. **Menjadikan kawasan persekitaran industri lebih kemas dan bersih**
- 4. **Memenuhi matlamat fungsi organisasi**
- 5. **Meningkatkan kepercayaan pelanggan kepada pihak Majlis**

(2) Pencapaian yang diperolehi melalui Sistem I-Sisa

- i. Penyelesaian masalah aduan sampah longgok (*berdasarkan aduan SISPAAs Oktober - Disember 2024) dan SISPAAs (Januari - Mac 2025) – (Rujuk lampiran 8)*
- ii. Penambahan lantikan panel kontraktor
Berikut adalah hasil penambahan lantikan kontraktor dan data kutipan sisa industri yang dikutip oleh panel: - (*Rujuk lampiran 9*)

Tahun	Jumlah premis	Jumlah sisa (tan)
2024	400 - 500 setiap bulan	22,210.61
2025 (sehingga Mac 2025)	500 - 800 setiap bulan	8,112.20

- iii. Kesimpulannya, permohonan menjadi panel kontraktor MBSJ semakin meningkat selepas inovasi ini diperkenalkan.

Gambar – gambar yang berkaitan:

Perbincangan bersama ahli Kumpulan ASICT (lampiran 7 - senarai ahli kumpulan)



Perbincangan kumpulan pada 28/1/2025 di Jabatan Teknologi



Bengkel Penyediaan Dokumen AiNS pada 17-18/3/2025



Perbincangan pada 17/3/2025 berkaitan proses sistem bersama kumpulan



Bengkel Semakan Dokumen AiNS pada 9/4/2025

12. IMPLIKASI KEWANGAN (JIKA ADA)

Tiada

13. PENUTUP

Kesimpulannya, Projek Sistem I-Sisa merupakan satu inovasi yang diwujudkan di Jabatan seterusnya memberi satu inisiatif penting dalam meningkatkan kecekapan pengurusan sisa industri dan perdagangan di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) kerana ia merupakan satu-satunya sistem yang pertama menggunakan kaedah ini di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Selangor. Kumpulan ASICT akan sentiasa mencari alternatif untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan dan penghasilan yang lebih baik. Kumpulan ASICT tiada halangan untuk berkongsi maklumat inovasi ini kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) lain sekiranya perlu. Tidak mustahil projek ini akan membawa nama MBSJ sebagai perintis dalam pengurusan sisa industri dan perdagangan terbaik di Malaysia satu hari nanti dan sekiranya projek ini diangkat sebagai projek terbaik dalam pertandingan ini, misi Kumpulan ASICT untuk merealisasikan impian pasti akan terlaksana. Dengan pendekatan bersepadu yang menggabungkan teknologi, pemantauan yang lebih sistematik, serta kesedaran masyarakat, sistem ini mampu mengurangkan pembuangan haram, meningkatkan kadar kitar semula, dan memastikan persekitaran yang lebih bersih serta lestari. Pelaksanaan yang berterusan serta sokongan daripada semua pihak, termasuk kerajaan, pihak berkuasa tempatan, dan masyarakat, amat diperlukan bagi memastikan kejayaan sistem ini. Dengan adanya Sistem I-Sisa, kita bukan sahaja dapat menguruskan sisa dengan lebih baik tetapi juga membentuk budaya masyarakat yang lebih bertanggungjawab terhadap alam sekitar demi kesejahteraan generasi akan datang.

Disediakan oleh:

Nama Kumpulan : ASICT
 No. Tel : 03-80263278
 Email : mazlina.mustafa@mbsj.gov.my